

04/12/2001

Mardi giat tingkat mutu padi

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Pertanian sedang berusaha meningkat pengeluaran padi bermutu melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghadapi beras import.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, berkata Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) giat menjalankan R&D bagi meningkatkan mutu beras.

"Ini terbukti dengan penemuan variasi baru padi jenis MR219 yang setanding beras yang diimport dari Thailand.

"MR219 yang dilancarkan awal tahun ini, kini ditanam secara meluas di seluruh negara. Mardi juga sedang dalam percubaan mengeluarkan benih padi bermutu, MQ50," katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas sama ada kementerian bercadang memperkenalkan padi bermutu atau beras wangi bagi menghadapi beras import.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah termasuk mungkin meminta PadiBeras Nasional Bhd (Bernas) membeli padi berlebihan bagi menangani longgokan padi.

Dr Mahathir berkata, kualiti padi tempatan yang rendah menyebabkan pengilang kurang minat membelinya, berbanding padi dari negara jiran sekali gus menggalakkan penyeludupan.

Ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri itu, Mohd Shariff tidak menafikan keadaan itu kerana tahap penghasilan padi oleh petani di negara ini masih rendah dan kurang rintangan terhadap penyakit.

(END)